



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA DISEMBER 2024

**Jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.9 trilion;
melonjak sebanyak 4.6 peratus pada 2024**

PUTRAJAYA, 7 Februari 2025 - Nilai jualan sektor Pembuatan pada tahun 2024 mencapai RM1.9 trilion, melonjak 4.6 peratus (2023: 0.2%), sementara jualan pada Disember 2024 berjumlah RM158.4 bilion (5.7%). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Disember 2024** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pertumbuhan nilai jualan sektor Pembuatan disokong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau yang kekal merekodkan pertumbuhan dua angka pada 14.6 peratus pada Disember 2024 (November 2024: 12.3%). Sementara itu, subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka turut menyumbang kepada pertumbuhan jualan sektor Pembuatan, masing-masing mencatatkan peningkatan 8.7 peratus (November 2024: 8.6%) dan 3.2 peratus (November 2024: 2.7%). Perbandingan bulan sebelumnya, nilai jualan menguncup sebanyak 2.2 peratus berbanding RM162.0 bilion yang direkodkan pada November 2024."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.1 peratus daripada jumlah jualan terus berkembang kepada 7.1 peratus pada Disember 2024 (November 2024: 6.1%). Pengembangan tersebut berkait rapat dengan peningkatan dalam industri Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal pada 9.4 peratus; diikuti dengan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (17.0%); dan Pembuatan produk getah (10.7%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik turut bertambah baik 2.5 peratus pada Disember 2024 setelah mencatatkan 0.8 peratus pada November 2024. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam industri Pembuatan produk pemprosesan makanan yang melonjak kepada 11.2 peratus (November 2024: 8.7%); Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (4.8%); dan Pembuatan minuman (16.3%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport dan domestik masing-masing menyusut 3.0 peratus dan 0.3 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Seramai 2.40 juta orang terlibat dalam sektor ini pada Disember 2024, terus meningkat pada 1.0 peratus bagi dua bulan berturut-turut. Pertambahan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.3%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.3%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (0.9%). Perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini menurun 0.1 peratus.

Pada masa yang sama, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 1.7 peratus, berjumlah RM8.9 bilion pada Disember 2024. Perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah yang dibayar meningkat 7.1 peratus. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat kepada RM66,027 (4.6%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja pada Disember 2024 adalah RM3,706, meningkat sebanyak 0.6 peratus tahun ke tahun.”


Pada suku tahun keempat 2024, nilai jualan sektor Pembuatan tumbuh sebanyak 4.4 peratus tahun ke tahun, mencapai RM481.8 bilion (ST3 2024: RM483.2 bilion, 6.5%). Peningkatan tersebut disokong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (12.7%); Peralatan Elektrik & Elektronik (6.8%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas, & percetakan (2.0%). Sementara itu, bilangan pekerja pada suku tahun berkenaan bertambah baik kepada 1.0 peratus (ST3 2024: 0.8%), manakala gaji & upah dibayar kekal pada 1.7 peratus.

Bagi merumuskan prestasi keseluruhan tahun 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.9 trilion, melonjak sebanyak 4.6 peratus berbanding tahun 2023 (0.2%). Pada tahun berkenaan, bilangan pekerja bertambah sebanyak 1.0 peratus (2023: 1.7%) untuk merekodkan seramai 2.40 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.5 peratus (2023: 3.5%) kepada RM99.3 bilion.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Disember 2023 - Disember 2024**




Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia, November dan Disember 2024




Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Disember 2023 - Disember 2024




Carta 4: Pertumbuhan Nilai Jualan dalam Sektor Pembuatan



Carta 5: Pertumbuhan Bilangan Pekerja dalam Sektor Pembuatan



Carta 6: Pertumbuhan Gaji & Upah dalam Sektor Pembuatan



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 FEBRUARI 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA DECEMBER 2024

***The Manufacturing sector sales reached RM1.9 trillion;
surged by 4.6 per cent in 2024***

PUTRAJAYA, 7 February 2025 – The sales value of the Manufacturing sector in 2024 reached RM1.9 trillion, surged 4.6 per cent (2023: 0.2%), while the sales in December 2024 amounted to RM158.4 billion (5.7%). The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia, December 2024**.

Commenting on the latest Manufacturing sales performance, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “The growth of sales value in the Manufacturing sector was primarily supported by the Food, beverages & tobacco sub-sector which remained to record double-digit growth at 14.6 per cent in December 2024 (November 2024: 12.3%). Meanwhile, the Electrical & electronics products and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sectors also made contributions to the Manufacturing sector’s sales growth, registered increases of 8.7 per cent (November 2024: 8.6%) and 3.2 per cent (November 2024: 2.7%), respectively. Comparison with the preceding month, the sales value shrank by 2.2 per cent as against RM162.0 billion recorded in November 2024.”

The sales value of export-oriented industries which representing 70.1 per cent of total sales further expanded to 7.1 per cent in December 2024 (November 2024: 6.1%). The expansion was predominantly attributable to the increase in the Manufacture of computer, electronics & optical products at 9.4 per cent; followed by Manufacture of vegetable & animal oils & fats (17.0%); and Manufacture of rubber products (10.7%) industries.

Similarly, the domestic-oriented industries also improved by 2.5 per cent in December 2024 after registered 0.8 per cent increase in November 2024. The increase was mainly contributed by a rise in the Manufacture of food processing products which soared to 11.2 per cent (November 2024: 8.7%); Manufacture of fabricated metal products industry except machinery & equipment (4.8%); and the Manufacture of beverages (16.3%) industries. On a month-on-month basis, both export and domestic-oriented industries dropped by 3.0 per cent and 0.3 per cent, respectively.

Commenting on the number of employees, the Chief Statistician Malaysia stated, “There are 2.40 million persons engaged in this sector during December 2024, continued to rise at 1.0 per cent for two consecutive months. The addition was mainly driven by the Food, beverages & tobacco (2.3%); Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (1.3%); and Wood, furniture, paper products & printing (0.9%) sub-sectors. On a month-on-month basis, the number of employees in this sector declined 0.1 per cent.

On the same note, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector also posted an increase of 1.7 per cent, amounted to RM8.9 billion in December 2024. Comparison by month-on-month, the salaries & wages paid increased by 7.1 per cent. Subsequently, the sales value per employee went up to RM66,027 (4.6%), while the average salaries & wages per employee in December 2024 was RM3,706, rose by 0.6 per cent year-on-year.”

In the fourth quarter of 2024, the sales value in the Manufacturing sector grew by 4.4 per cent year-on-year, achieved RM481.8 billion (Q3 2024: RM483.2 billion, 6.5%). The rise was supported by the Food, beverages & tobacco (12.7%); Electrical & Electronics Products (6.8%); and Wood, furniture, paper products & printing (2.0%) sub-sectors. Meanwhile, the number of employees during the quarter improved to 1.0 per cent (Q3 2024: 0.8%), while salaries & wages paid remained at 1.7 per cent.

Summarising the overall performance for the year 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The sales value of the Manufacturing sector reached RM1.9 trillion, surged 4.6 per cent as against in 2023 (0.2%). During the year, the number of employees augmented by 1.0 per cent (2023: 1.7%) to record a total of 2.40 million persons, while salaries & wages rose by 1.5 per cent (2023: 3.5%) to RM99.3 billion.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector, Malaysia
December 2023 – December 2024**




Chart 2: Growth of Sales of Manufacturing by Sub-sector, Malaysia, November and December 2024




Chart 3: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for Manufacturing Sector, Malaysia, December 2023 – December 2024




Chart 4: The Growth for Sales Value of the Manufacturing Sector




Chart 5: The Growth for Number of Employees of the Manufacturing Sector





Chart 6: The Growth for Salaries & Wages of the Manufacturing Sector



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 FEBRUARY 2025